



TEKS UCAPAN

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN
TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, HAL EHWAL
PENGGUNA**

DI

**MAJLIS PELANCARAN E-WALLET TOUCH N GO DI
KK SUPER MART**

PADA

15 OGOS 2018 (RABU)

TEMPAT

TERMINAL BERSEPADU SELATAN(TBS)

Salam Sejahtera

Terima

Kasih

Saudara/Saudari Pengacara

Majlis;

-Salutasi-

Para Hadirin yang Dihormati

Sekalian,

1. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan Salam daripada YB Dato' Saifuddin Nasution Ismail,

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Beliau tidak dapat hadir bersama-sama kita pada hari ini kerana kekangan tugas dan tanggungjawab lain yang tidak dapat dielakkan. Justeru, saya telah diamanatkan untuk mewakili beliau bagi merasmikan majlis pada hari ini.

***Hadirin Yang Dihormati
Sekalian,***

2. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kedua - dua syarikat iaitu KK Group dan Touch n Go Sdn Bhd yang berjaya mewujudkan kerjasama dalam memperkenalkan inisiatif baharu yang dapat

memberikan manfaat kepada golongan pengguna dan komuniti di Malaysia.

3. Sektor Perdagangan

Borong dan Runcit

merupakan salah satu penyumbang utama kepada Sektor Perkhidmatan iaitu sebanyak **15.1%** kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun

2017. Dalam situasi ini KPDNHEP memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan usaha yang berterusan untuk memberikan penambahbaikan kepada sektor ini. Menurut ***Laporan Perniagaan Antarabangsa Grant Thornton***, keyakinan perniagaan di Malaysia melonjak **24 peratus**

kepada 52 peratus pada akhir suku kedua tahun 2018 berbanding 28 peratus pada suku pertama tahun ini. Ini juga mencatatkan rekod tertinggi di kalangan negara ASEAN. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa sektor perniagaan pemborongan dan peruncitan adalah elemen yang penting dalam

menjadikan Malaysia
berdaya tahan dan berdaya
maju.

***Hadirin Yang Dihormati
Sekalian,***

4. Kerajaan, perniagaan dan
masyarakat perlu
mempunyai kerjasama yang
erat agar dapat memberikan
impak positif dalam

pembangunan sosioekonomi negara. Kerajaan juga akan sentiasa berusaha bagi merangka pelbagai dasar yang inovatif. Dari semasa ke semasa, KPDNHEP yang menyediakan polisi mesra perniagaan sentiasa memberi peluang kepada usahawan untuk memperkenalkan produk baru dan penerokaan

konsep runcit baharu agar kita tidak jauh ketinggalan daripada negara-negara membangun lain seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong.

5. Pada masa kini, arus perkembangan digital dan perubahan semasa telah banyak mempengaruhi industri perdagangan dan

peruncitan. **Teknologi**
**Bayaran Tanpa Tunai (E-
Wallet)** sudah mula diterima
pakai dalam urusan
perniagaan dan pembelian di
kalangan masyarakat kita.
Penggunaan aplikasi E-
Wallet ini dapat dilihat dapat
merangsang kreativiti
masyarakat kepada
teknologi baru. Ia juga akan
dapat meningkatkan

produktiviti individu dan
perniagaan selain
melonjakkan daya saing
dalam ekonomi digital global.

**6. Pelancaran E-Wallet
Touch N Go di KK Super
Mart adalah satu langkah
yang bertepatan dengan
pertumbuhan yang
memberangsakan bagi
sektor perdagangan dan**

peruncitan. Ini juga selari dengan visi KK Super Mart yang menitikberatkan keselesaan pelanggan maka penggunaan E-wallet dilihat lebih mudah, ringkas, selamat dan pratikal bagi mereka yang gemar berbelanja tanpa perlu membawa sebarang kad kredit, kad debit mahupun wang tunai. Saya

difahamkan KK Super Mart
menjadi peneraju Mini
Supermarket Serbaguna
pertama di Malaysia yang
bekerjasama dengan Touch
N Go Digital Sdn Bhd.
Dengan bilangan kedai
melebihi 330 outlet dan
semakin berkembang maka
lebih meluas capaian
pelanggan kepada
perkhidmatan yang

disediakan oleh KK Super Mart di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak.

***Hadirin Yang Dihormati
Sekalian,***

7. Perkhidmatan E-Wallet
masih baharu di Malaysia dan penggunaannya masih

kurang jika dibandingkan dengan negara – negara lain, namun begitu penganalisis ekonomi melihat potensi E-Wallet amat luas di Malaysia dan mampu mendominasi gaya kepenggunaan pada masa hadapan. Kerjasama dengan Touch N Go Digital Sdn Bhd merupakan usahasama yang baik dan

akan memberikan manfaat terutamanya kepada pengguna. Saya turut difahamkan melalui Touch N Go EWallet, pelanggan KK Super Mart boleh menambah nilai akaun prabayar, membeli barangan tanpa tunai dan menerima pelbagai promosi istimewa. Tambahan mereka yang memuat turun aplikasi

eWallet ini boleh berkongsi baki bersama pengguna yang mempunyai akaun, dan membuat pembayaran bil utiliti serta pelbagai lagi kemudahan lain.

8. Kemudahan dan penambahbaikan perkhidmatan seperti ini amat kami galakkan agar dapat memberikan kebaikan

dan kesenangan kepada pengguna amnya.

***Hadirin Yang Dihormati
Sekalian,***

9. Saya tidak berniat untuk berucap panjang. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada KK Super Mart & Touch N Go. Terima kasih juga diucapkan kepada

semua yang terlibat di atas sokongan yang telah diberikan. Dengan ini saya melancarkan ***Touch N Go E-Wallet di KK SUPER MART.***

Sekian, terima kasih.